



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 19 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CUBAAN JUAL BENIH PADI TAK SAH GAGAL, HM -ONLINE JUAL SEKAMPIT RM38, LOKAL, HM -17	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
3. 4.	PGA7 RAMPAS PRODUK SEJUK BEKU, HM -ONLINE MAQIS RAMPAS 21 TAN BABI SEJUK BEKU, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	BREEDERS FEAR FOR THEIR INFED ANIMALS, NATION, THE STAR -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7. 8. 9.	FAMA SUMBANG HASIL PERTANIAN PERWIKISA, KOMUNITI KITA, UM -32 LAMBAKAN DURIAN PUNCA HARGA MERUNDUM, SH -ONLINE HARGA DURIAN MULA JATUH, NASIONAL, SH -8 PERUNTUKAN KHAS BOLEH ATASI ISU LAMBAKAN DURIAN DI PERAK, NASIONAL, SH -8	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	KILANG BAJA PUNCA PENCEMARAN AIR, BAU, NEGERI SELANGOR/KL, SH -24 KILANG BAJA HARAM DAPAT KELULUSAN OPERASI JADI PENCEMAR, KOSMO -ONLINE KILANG BAJA HARAM PUNCA PENCEMARAN AIR DISERBU, NEGARA, KOSMO -12 KILANG BAJA KOMPOS DIARAH HENTI OPERASI, NASIONAL, BH -20 BEKALAN SAYUR CAMERON HIGHLANDS TIDAK TERJEJAS, BH -ONLINE EMCO WON'T AFFECT DELIVERY OF VEGETABLES, NATION, THE STAR -9 BEKALAN SAYUR STABIL, MENCUKUPI, NASIONAL, SH -19 MYNIC PERKENAL PRIME LAHIRKAN USAHAWAN DIGITAL, UM -ONLINE DURIAN HAVE BECOME RICH MAN'S DELICACY, NST -ONLINE POULTRY FARMERS SEEK SUPPORT FROM MALAYSIANS, THE STAR -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Cubaan jual benih padi tak sah gagal



BENIH padi tidak sah yang dirampas KPB dalam dua serbuan berasingan baru-baru ini. FOTO ihsan Mafi

Kuala Lumpur: Sindiket benih padi tidak sah dikesan menjadikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sebagai peluang menjalankan kegiatan mereka.

Terbaru, Bahagian Penguat Kuasa Kawal Selia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Kelantan merampas 68 kampil benih berkenaan dalam dua operasi berasingan.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman Mahmood berkata, kegiatan itu dikesan selepas pihaknya menerima aduan daripada orang awam mengenai aktiviti penjualan benih padi ketika PKP.

Katanya, dalam serbuan pertama, pihaknya merampas 40 kampil benih padi tidak sah di Kampung Alor Pasir, Pasir Mas yang dianggarkan bernilai RM1,520.

Azman berkata, ia dijual di sebuah premis dengan harga RM38 sekampil melebihi dari harga ditetapkan pihak berkuasa untuk benih sah.

"Ia adalah satu kesalahan di bawah Perkara 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pembeli Padi) 1996.

"Kita memandang serius isu ini kerana mereka seolah-olah menjadikan PKP sebagai peluang untuk meneruskan kegiatan terbabit, namun penguat kuasa kita memantau aktiviti mereka," katanya kepada Harian Metro.

Dalam serbuan kedua, sebanyak 28 kampil benih padi tidak sah dirampas dalam satu pemeriksaan di Jalan Kuala Krai, Machang bernilai RM980.

"Saya ingin tegaskan, kita akan teruskan pemantauan dan risikan bagi membanteras kegiatan seperti ini dan meminta kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat berkaitan," katanya.

Beliau berkata, semua benih itu disita dan dibawa ke pejabat KPB Kelantan untuk tindakan lanjut.

**BENIH PADI TAK SAH: DUA LOKASI DISERBU**

# JUAL SEKAMPIIT RM38

Oleh Yusmizal  
Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**S**indiket benih padi tidak sah dikesan menjadikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sebagai peluang menjalankan kegiatan mereka bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Terbaru, Bahagian Penguatkuasa Kawal Selia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Kelantan merampas 68 kampil benih berkenaan dalam dua operasi berasingan.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi Dan Beras Azman Mahmood berkata, kegiatan itu dikesan selepas pihaknya menerima aduan daripada orang awam mengenai aktiviti penjualan

benih padi ketika PKP. Katanya, dalam serbuan pertama, pihaknya merampas 40 kampil benih padi tidak sah di Kampung Alor Pasir, Pasir Mas yang dianggarkan bernilai RM1,520.

Azman berkata, ia dijual di sebuah premis dengan harga RM38 sekampit melebihi dari harga ditetapkan pihak berkuasa untuk benih sah.

"Ia adalah satu kesalahan di bawah Perkara 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras (Pelesenan Pembeli Padi) 1996.

"Kita memandang serius isu ini kerana mereka seolah-olah menjadikan PKP sebagai peluang untuk meneruskan kegiatan terbit namun penguat kuasa kita memantau aktiviti mereka," katanya kepada Harian Metro.

Dalam serbuan kedua, sebanyak 28 kampil benih padi tidak sah

**Benih padi tidak sah dijual di sebuah premis dengan harga RM38 sekampit**



BENIH padi tidak sah yang dirampas KPB dalam dua serbuan berasingan di Pasir Mas dan Machang

dirampas dalam satu pemeriksaan di Jalan Kuala Krai, Machang bernilai RM980.

"Saya ingin tegaskan, kita akan teruskan pemantauan

dan risikan bagi membanteras kegiatan seperti ini dan meminta kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat berkaitan," katanya.

Beliau berkata, semua benih itu disita dan dibawa ke pejabat KPB Kelantan untuk tindakan lanjut.

## Siasat kenaikan harga makanan ternakan

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Terengganu akan menjalankan siasatan segera berhubung isu kenaikan harga makanan ternakan di pasaran.

Pengarah KPDNHEP Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya sedia maklum dengan kenaikan harga makanan ternakan di pasaran akhir-akhir ini.

"Bagaimanapun, tiada laporan secara rasmi yang diperoleh daripada penternak atau pengguna mengenai kenaikan sehingga sekarang.

"Bagaimanapun, kami akan membuat pemantauan harga makanan ternakan di pasaran.

"Sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah dan mempunyai unsur pencatutan, tindakan boleh diambil," katanya ketika dihubungi, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## PGA7 rampas produk sejuk beku



BARANGAN sejuk beku bernilai RM10,962 yang dirampas anggota PGA7. FOTO ihsan PGA7

Rantau Panjang: Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas pelbagai jenis produk sejuk beku bernilai RM10,962 kerana tiada dokumen sah di Taman Permai, Gual Tinggi, di sini, semalam.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam kejadian jam 1 tengah hari itu, anggota terserempak sebuah lori jenis Isuzu dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, anggota meminta pemandu warga tempatan berusia 23 tahun untuk memberhentikan kenderaan sebelum dibuat pemeriksaan penuh.

"Hasil pemeriksaan ke atas tubuh badan pemandu tidak menemui sebarang barangan yang menyalahi undang-undang namun terdapat pelbagai produk sejuk beku di lori berkenaan.

"Anggota meminta suspek mengemukakan dokumen perjalanan serta pembelian berkaitan barangan dan mendapati ia meragukan dengan jumlah barangan dibawa.

"Suspek ditahan manakala lori dan barangan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang bagi siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Kes terbabit disiasat mengikut Seksyen (11)(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) 2011.

Sementara itu, Azhari berkata, dalam kejadian berasingan, anggota merampas pelbagai barangan runcit dan sosej tanpa dokumen sah bernilai RM26,182 di Kampung Jalan Kedai Lama, di sini, kelmarin.

"Pemandu van berusia 30 tahun ditahan dan barangan yang dirampas dibawa ke balai polis sebelum diserahkan kepada bahagian penguatkuasaan Jabatan Kesihatan Pasir Mas untuk tindakan lanjut," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	23

# Maqis rampas 21 tan babi sejuk beku



Sebahagian produk babi sejuk beku yang cuba dibawa masuk ke Johor.

Produk bernilai lebih RM111,000 itu dibawa masuk dari Belgium

Oleh FARAH SHAZWANI

## JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk produk babi sejuk beku seberat 21,190.64 kilogram yang dianggarkan bernilai RM111,626.41 dari Belgium pada Rabu.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, penguat

kuasa menahan sebuah kontena yang membawa produk itu pada jam 10.15 pagi melalui pemeriksaan rutin di Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati pengisytiharan yang dilakukan mengelirukan pihak berkuasa iaitu alamat pengimport pada permit Maqis dan borang K1 berbeza dengan alamat pada Sijil Kesihatan Veterinar yang telah diikrarkan.

"Maqis bertindak merampas kesemua produk babi sejuk beku itu untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Jelasnya, kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Maqis menasihatkan semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan yang ditetapkan kerajaan agar kawalan penyakit haiwan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia," katanya.

# Breeders fear for their unfed animals

By **MANJIT KAUR**  
manjit@thestar.com.my

**IPOH:** A group of fish and livestock breeders in a Kuala Kangsar village who are under home quarantine are worried sick about their animals more than themselves.

Speaking on behalf of 11 breeders, Mohd Yusuf Jaafar, 57, said since villagers in Kampung Senggang were wearing pink and blue wristbands, none of them were allowed to step out of their houses, leaving their cattle, goats and chickens unfed since June 13.

"I am so worried because since we had to put on the wristbands on June 13, we do not know what is happening at our farms.

"Some of my friends who are rearing fish and prawns are in the same predicament," he said when contacted yesterday.

Mohd Yusuf said he was hoping that some form of arrangement could be made for them to attend to their animals.

"The cattle, goats and chickens, I am assuming, are in the shed, just eating whatever little grass or left-over grains there.

"For the fish and prawns, I have no idea how they are surviving. We, humans, are still getting provisions sent to us, but the animals are left without food," said Mohd Yusuf, adding that the farms were located

about 1km away.

Mohd Yusuf had spoken to the authorities about their predicament but was told they were not allowed to leave their houses.

Out of desperation, he had contacted an animal activist, Dr Ranjit Kaur Mendhir, for advice.

When contacted, Dr Ranjit, a veterinarian, said there were cases of animal welfare neglect whenever the movement control order was announced in the country.

Feeders who go around providing food for stray dogs and cats found it difficult to leave their homes after 9pm, she said.

"There are many feeders who go out after 10pm.

"Some even go to specific locations to feed strays at 1am because these are the times stray animals come out," she said.

"I was also told that in Kampung Raja in Cameron Highlands, which is under enhanced MCO until June 27, feeders are finding it difficult to feed strays, as the authorities are watching them via drones.

"The authorities concerned must find ways to ensure animals are not left hungry during this pandemic when restriction orders are announced," added Dr Ranjit.

When contacted, Bukit Chandan assemblyman Maslin Sham Razman said he was aware of the issue and had forwarded the predicament of



**In need of help:** Mohd Yusuf feeding his cattle before being placed under quarantine. He hopes some form of arrangement can be made to attend to the animals.

the livestock farmers to the district office.

He said the district officer had informed him about speaking to the village chief on getting volunteers to feed the animals.

"The district office is liaising with various agencies like the Fisheries

and Veterinary Services departments to get the food required, and it will be handed over to the associations concerned," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	32



## FAMA sumbang hasil pertanian PERWIKISA

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam (Perwikisa) kelmarin.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan oleh Pengerusi Puspanita FAMA Datin Sabariah Othman.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19 menerusi badan kebajikan.

Komoditi hasil pertanian

yang ada menerusi sumbangan MAFI Prihatin itu juga dapat membantu petani yang mengalami masalah lebih pengeluaran dan pemasaran ketika tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

Antara komoditi yang disumbangkan ialah cili merah kulal, peria, labu manis, pisang berangan dan pisang tanduk sebanyak 500 kilogram (kg) secara keseluruhan.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu petani

yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

■ (DARI Kiri) Pemangku Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Roslawati Abu Hassan; Pengerusi Perkiwisa Che Salmah Mehamood, Datin Sabariah Othman dan Ahli Perwikisa yang juga Pengarah Kebajikan Yayasan Darul Rahmah, Dr. Khadijah Mohamad pada Majlis Penyerahan Sumbangan MAFI Prihatin di Bangi baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Lambakan durian punca harga merudum



Harga kebanyakan jenis durian jatuh merudum sejak beberapa hari lalu berikutan lambakan buah itu sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). Gambar kecil: Syarial

SHAH ALAM - Harga pelbagai jenis durian di Selangor merudum sejak beberapa hari lalu berikutan lambakan buah itu sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (SPP).

Tinjauan Sinar Harian di beberapa gerai durian sekitar Selangor pada Jumaat mendapati, harga pelbagai jenis durian mengalami penurunan ketara.

Hasil tinjauan mendapati, harga durian musang king gred A misalnya pada musim sebelumnya dijual pada RM65 sekilogram turun kepada antara RM35 hingga RM55 sekilogram.

Bagi durian kampung pula, harganya jatuh kepada RM10 sekilogram berbanding RM18 sekilogram, manakala IOI pula dijual pada harga RM35 sekilogram turun pada harga RM28 sekilogram.

Seorang peniaga durian di Seksyen 7 Shah Alam, Syarial Nasri, 37, berkata, faktor utama kejatuhan harga durian disebabkan pelaksanaan SPP selain isu lambakan raja buah itu di pasaran.

"Harga pelbagai jenis durian pada musim kali ini jauh merudum dan memberi kesan kepada pendapatan," katanya kepada Sinar Harian di sini pada Jumaat.

Syarial yang berniaga durian sejak dua dekad lalu berkata, selain itu, operasi terhad semasa pelaksanaan SPP juga menyebabkan pendapatan peniaga merosot.

"Orang ramai tidak dibenarkan keluar sesuka hati (sepanjang tempoh pelaksanaan SPP) dan kami pula menutup perniagaan lebih awal berbanding kebiasaan.

"Kalau dulu saya boleh jual durian secara purata 30 bakul sehari, kini 10 bakul sehari sahaja," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, penurunan harga buah itu tidak bermakna kualiti buah yang dijual turut menurun, sebaliknya penawaran harga dilakukan atas faktor lambakan buah itu di pasaran.

"Biasanya jika isi durian nipis, kami jual pada harga murah kepada pelanggan walaupun kami menanggung sedikit kerugian," katanya.

Seorang peniaga durian di Jalan Kebun di sini, Mohd Azizi Aruzi, 28, berkata, sekiranya berlaku lambakan durian di pasaran, dia menjangkakan harga buah itu mengalami penurunan terutama pada musim SPP.

Malah, katanya, harga durian kampung kualiti tinggi misalnya boleh dijual RM10 sekilogram berbanding RM15 sekilogram.



"Pada masa sekarang harga durian tidaklah terlalu tinggi atau murah, tetapi jika berlaku lambakan sudah pasti harganya jauh merudum," katanya yang mengambil buah itu dari pembekal di sekitar Pagoh dan Muar, Johor.

Di Sabak Bernam, seorang peniaga durian, Muhammad Norazuwan Miskam, 29, berkata, harga durian dijangka turun mendadak berikutan berlaku lambakan buah itu pada Julai.

Norazuwan yang berniaga durian di Kampung Simpang Lima berkata, harga durian misalnya Musang King gred A pada musim kali ini diramal merudum daripada RM80 sekilogram kepada RM65 sekilogram.

"Begitu juga dengan harga durian gred tinggi lain seperti D24 mungkin turun sehingga RM12 sekilogram berbanding RM15 sekilogram, D13 pula daripada RM30 sekilogram turun kepada RM20 sekilogram dan udang merah daripada RM25 sekilogram jatuh kepada RM20 sekilogram," katanya.

Bagi menangani lambakan buah itu, pihaknya memperkenalkan kaedah bayar selepas terima (COD) kepada pelanggan.

"Saya merasakan kaedah COD ini dapat membantu kami menjual durian pada musim kali ini bagi menangani isu lambakan buah," katanya yang mengambil buah daripada pembekal di Tangkak; Johor, Raub; Pahang dan Batu Kurau, Perak.

# Harga durian mula jatuh

Berpunca daripada pelaksanaan *lockdown* dan lambakan raja buah di pasaran

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR dan ENGGU SHARIFUL AZNI

## SHAH ALAM

**H**arga durian di Selangor jatuh sejak beberapa hari lalu berikutan lambakan buah itu sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh atau *lockdown*.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa gerai durian sekitar Selangor pada Jumaat mendapati harga pelbagai jenis durian mengalami penurunan ketara.

Hasil tinjauan mendapati harga durian musang king gred A misalnya sebelum

ini dijual pada harga RM65 sekilogram tetapi kini turun kepada antara RM35 hingga RM55 sekilogram.

Bagi durian kampung pula, harganya jatuh kepada RM10 sekilogram berbanding RM18 sekilogram manakala jenis IOI pula yang sebelum ini dijual pada harga RM35 sekilogram turun kepada RM28 sekilogram.

Seorang peniaga durian di Seksyen 7, Shah Alam, Syarial Nasri, 37, berkata, faktor utama kejatuhan harga durian disebabkan pelaksanaan *lockdown* selain isu lambakan raja buah itu di pasaran.

"Harga pelbagai jenis durian pada musim kali ini jatuh merudum dan memberi kesan kepada pendapatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Syarial yang berniaga durian sejak 20 tahun lalu berkata, selain itu operasi terhad semasa pelaksanaan *lockdown* juga menyebabkan pendapatan peniaga merosot.

"Orang ramai tidak dibenarkan keluar sesuka hati (sepanjang tempoh pelaksanaan *lockdown*) dan kami pula perlu menutup perniagaan lebih awal berbanding kebiasaan.

"Kalau dulu saya boleh jual durian secara purata 30 bakul



Harga kebanyakan jenis durian jatuh sejak beberapa hari lalu berikutan lambakan buah itu sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh.

## ISU LAMBAKAN DURIAN

sehari, kini sehari boleh jual 10 bakul sahaja," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, penurunan harga tidak bermakna kualiti buah yang dijual turut menurun sebaliknya penawaran harga dilakukan atas faktor lambakan buah itu di pasaran.

"Biasanya jika isi durian nipis, kami jual pada harga murah kepada pelanggan walaupun kami menanggung sedikit kerugian," katanya.

Seorang peniaga durian di Jalan Kebun, Shah Alam, Mohd Azizi Aruzi, 28, berkata, sekiranya berlaku lambakan durian di pasaran, dia menjangkakan harga buah itu mengalami penurunan terutamanya pada musim SPP.

Malah katanya, harga durian kampung kualiti tinggi misalnya hanya boleh dijual RM10 sekilogram berbanding RM15 se-

kilogram sebelum ini.

"Pada masa sekarang harga durian tidaklah terlalu tinggi atau murah tetapi jika berlaku lambakan sudah pasti harganya jauh merudum," katanya yang mengambil buah itu dari pembekal di sekitar Pagoh dan Muar, Johor.

Di Sabak Bernam, seorang peniaga durian, Muhammad Norazuwan Miskam, 29, berkata, harga durian dijangka turun mendadak berikutan berlaku lambakan buah itu pada Julai.

Muhammad Norazuwan yang berniaga durian di Kampung Simpang Lima berkata, harga durian misalnya musang king gred A pada musim kali ini diramal merudum daripada RM80 sekilogram kepada RM65 se-



SYARIAL

kilogram.

"Begitu juga dengan harga durian gred tinggi lain seperti D24 mungkin turun sehingga RM12 sekilogram berbanding RM15 sekilogram, D13 pula daripada RM30 sekilogram turun kepada RM20 sekilogram dan udang merah daripada RM25 sekilogram kepada RM20 sekilogram," katanya.

Namun katanya, bagi menangani lambakan buah itu, dia memperkenalkan kaedah bayar selepas terima (COD) kepada pelanggan.

"Saya merasakan kaedah COD ini dapat membantu kami menjual durian pada musim kali ini bagi menangani isu lambakan buah," katanya.



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

## Peruntukan khas boleh atasi isu lambakan durian di Perak

**BAGAN SERAI** - Peruntukan khas kepada agensi untuk membeli buah-buahan secara terusi dari pekebun antara inisiatif kerajaan Perak dalam mengatasi lambakan buah durian kelak.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, itu antara hasil perbincangan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian bagi membantu pekebun daripada terus mengalami kerugian.

Menurutnya, buah-buahan seperti durian yang telah dibeli itu akan dipasarkan secara kekal di beberapa kawasan seperti di Pusat Transformasi Luar Bandar

(RTC) Gopeng, Manjung dan Kuala Kangsar untuk memudahkan pelanggan dalam situasi menang-menang kepada semua pihak terlibat.

"Kita mahu membantu pekebun dengan membuat jualan secara terus kepada pelanggan jika berlaku lambakan buah durian pada musim ini untuk mengelak pekebun mengalami kerugian.

"Beberapa kawasan seperti di Batu Kurau dan Selama, musim buah durian mula gugur sejak seminggu lalu dan akan bertambah dalam tempoh dua minggu lagi," katanya pada sidang akhbar selepas menyerahkan sumbangan keperluan dapur kepada penduduk di tiga kam-

pung di Alor Setanggok, Kampung Tua dan Tebuk Matau di sini pada Jumaat.

Razman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gunung Semangol berkata, kebanyakan pekebun dan pemborong tidak dapat memasarkan buah durian kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di samping pasar malam dan pasar pagi juga masih tidak beroperasi.

Selain itu, pihaknya juga akan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan mengedar buah-buahan kepada penduduk yang terkesan dengan Covid-19 bagi mengurangkan beban yang dihadapi mereka. - *Bernama*



Razman (Idr) memerlisa bantuan yang diserahkan kepada penduduk di tiga kampung di Bagan Serai pada Jumaat.

FOTO: BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL	24

# Kilang baja punca pencemaran air, bau

JAS arah tutup kilang baja organik kompos hasilkan bau busuk, cemar air di Hulu Selangor

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

## HULU SELANGOR

**S**ebuah kilang yang menjalankan aktiviti membuat baja organik kompos dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa selepas didapati menjadi punca kepada pencemaran air dan bau di kawasan berhampiran.

Menerusi kemas kini di laman Facebook pada Khamis, Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkata, operasi yang disertai beberapa agensi berkaitan itu



Kedudukan kilang baja organik kompos di Hulu Selangor yang tidak terurus sehingga menyebabkan pencemaran air dan bau.

turut mendapati kilang berkenaan berada dalam keadaan tidak terurus dan terdedah sehingga menyebabkan air hujan bercampur dengan sisa-sisa pokok serta bahan organik yang menghasilkan cecair kehitaman berbau busuk.

Katanya, cecair hitam itu

turut mengalir keluar ke longkang premis dan menyebabkan pencemaran air dan bau.

“Kilang ini mendapat kelulusan untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

atas kapasiti perkhidmatan perlu namun pemiliknya didapati tidak memiliki sebarang kelulusan lesen daripada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS),” katanya.

Antara agensi yang terlibat dalam operasi itu ialah JAS Selangor, MDHS, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menerusi tindakan penguatkuasaan berkenaan, JAS berkata, kilang terbabit turut dikenal pasti menjalankan operasi tanpa kelulusan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

“Sehubungan itu, Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas peralatan proses telah dikenakan di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi siasatan lanjut,” katanya.

FOTO: IHSAN FB JAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	KOSMO	ONLINE	

## Kilang baja haram dapat kelulusan operasi jadi pencemar



SHAH ALAM – Pencemaran air di Hulu Selangor dekat sini dipercayai sejak awal Jun ini terbongkar apabila dilakukan sebuah kilang haram pembuatan baja organik kompos, semalam.

Lebih mengejutkan dalam serbuan pukul 10 pagi turut mendapati kilang itu mendapat kelulusan untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Kelulusan itu diberikan dipercayai dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atas faktor perkhidmatan perlu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, penemuan kilang itu hasil operasi selama tiga jam susulan aduan daripada orang ramai terhadap pencemaran air di Hulu Selangor.

Katanya, semakan mendapati kilang tersebut tidak mempunyai lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dipercayai telah beroperasi lebih dua minggu lalu.

“Keadaan kilang yang tidak terurus dan terdedah menyebabkan air hujan bercampur dengan sisa-sisa pokok dan bahan organik menghasilkan air hitam yang busuk.

“Air hitam tersebut seterusnya mengalir keluar ke longkang premis sehingga menyebabkan pencemaran air dan bau,” katanya ketika dihubungi Kosmo! hari ini.

Turut serta dalam operasi itu adalah MDHS, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan Polis Diraja Malaysia.

Nor Aziah berkata, operasi kilang turut dijalankan tanpa sebarang kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada JAS.

“Sehubungan itu, Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas peralatan proses telah dikenakan di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk siasatan lanjut,” jelasnya. – K!

ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	KOSMO	NEGARA	12



**KEADAAN** kilang baja kompos haram yang dipercayai menjadi punca pencemaran air di Hulu Selangor sejak awal bulan ini.

## Kilang baja haram punca pencemaran air diserbu

**SHAH ALAM** – Sebuah kilang haram yang menjalankan aktiviti membuat baja organik kompos di Hulu Selangor diserbu kelmarin selepas dipercayai menjadi punca pencemaran air dan bau.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, serbuan pukul 10 pagi itu dibuat hasil operasi selama tiga jam susulan aduan orang ramai.

Katanya, semakan mendapati kilang tersebut tidak mempunyai lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dipercayai telah beroperasi lebih dua minggu lalu.

"Keadaan kilang yang tidak terurus dan terdedah menyebabkan air hujan bermacam-

pur dengan sisa-sisa pokok dan bahan organik menghasilkan air hitam yang busuk.

"Air hitam tersebut seterusnya mengalir keluar ke longkang premis sehingga menyebabkan pencemaran air dan bau," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kilang tersebut tidak mendapat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada JAS.

"Kita juga menyiasat sama ada pemilik kilang mengemukakan ikrar palsu kepada pihak berkuasa bagi membolehkan kilang beroperasi semasa PKP.

"Notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) dikenakan di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974," jelasnya.

## Isu pencemaran air, bau di Hulu Selangor Kilang baja kompos diarah henti operasi

**Shah Alam:** Sebuah kilang baja kompos di kawasan Hulu Selangor yang dipercayai menjadi punca pencemaran air dan bau diarahkan menghentikan operasi serta-merta dalam serbuan pagi kelmarin.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Noor Aziah Jaafar, berkata kilang itu yang diserbu dalam operasi bersepadu JAS, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta polis, adalah hasil aduan awam.

"Hasil operasi tiga jam bermula pada jam 10 pagi itu berjaya menemukan kilang menjalakan aktiviti membuat baja organik kompos. Kami mendapati keadaan kilang tidak terurus dan terdedah, menyebabkan air hujan bercampur sisa-sisa pokok dan bahan organik menghasilkan air hitam yang busuk.



jentolak untuk menggaul campuran baja.

"Pengarah syarikat yang mengendalikan kilang tersebut datang semasa serbuan dilakukan dan memberi kerjasama kepada kami," katanya.

Beliau berkata, siasatan mendapati kilang itu mendapat kelulusan untuk beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atas faktor perkhidmatan perlu.

"Bagaimanapun, kita mendapati kilang tersebut tidak memiliki sebarang lesen daripada MDHS. Operasi kilang itu juga dijalankan tanpa kelulusan Laporan EIA (Impak Alam Sekitar) daripada JAS.

"Sehubungan itu, Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas peralatan proses dikenakan mengikut Seksyen 36(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk siasatan lanjut," katanya.

"Air hitam berkenaan seterusnya mengalir keluar ke longkang premis sehingga menyebabkan pencemaran air dan bau," katanya dalam satu kenyataan, semalam sambil memambah ketika serbuan juga, ada pekerja sedang menggunakan

Kilang baja kompos di Hulu Selangor diserbu dalam operasi hasil aduan orang awam, pagi kelmarin.  
(Foto ilham JAS)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Bekalan sayur Cameron Highlands tidak terjejas



Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam menjalankan pemeriksaan dan pemantauan bekalan dan harga sayur-sayuran di beberapa pasar raya di Lembah Klang. - FOTO KPDNHEP

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil

langkah segera bagi memastikan bekalan sayur dari Cameron Highlands tidak terjejas meskipun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dilaksanakan di kawasan berkenaan.

Menurut kenyataan media kementerian itu, KPDNHEP hari ini sudah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Persatuan Peladang Sayur Cameron Highlands, Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Pahang, Pejabat Daerah Cameron Highlands, Jabatan Kesihatan Pahang, wakil pemborong dan beberapa agensi kerajaan lain bagi memastikan bekalan sayur dari Cameron Highlands tidak terjejas meskipun PKPD dikenakan di kawasan Kampung Raja.

Katanya, sesi libat urus itu bertujuan membantu pengurusan tanaman ladang serta proses membawa keluar hasil pertanian dapat berjalan seperti biasa.

Kenyataan itu juga berkata, sesi libat urus terbabit turut mengusulkan suntikan vaksin COVID-19 diberikan kepada peladang dan pekerja mereka secepat mungkin.

"Ketika ini, antara 30 hingga 40 peratus bekalan sayur dari Cameron Highlands dihasilkan dari ladang di Kampung Raja.

"Peratusan ini tidak menjejaskan rantaian bekalan sayur di pasaran keseluruhannya dan KPDNHEP dimaklumkan semua kawasan tanaman sayur selain Kampung Raja beroperasi seperti biasa," katanya hari ini.

Pada masa sama, kenyataan itu berkata, pihak polis juga memaklumkan pergerakan lori untuk membawa keluar sayur dari Cameron Highlands dibenarkan manakala ladang sayur di kawasan Lojing dibenarkan beroperasi sepenuhnya tanpa isu pengangkutan dan pengedaran.

Selain itu, Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara juga akan terus menjalankan pemantauan terhadap bekalan dan harga sayur-sayuran di pasaran.

Penguatkuasaan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 akan dilaksanakan sekiranya terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut.

"KPDNHEP juga menasihatkan pengguna untuk tidak membuat pembelian panik kerana bekalan sayur adalah stabil dan mencukupi.

"Orang ramai juga boleh membuat aduan berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang melalui pelbagai saluran aduan yang disediakan oleh kementerian ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	THE STAR	NATION	9

# EMCO won't affect delivery of vegetables

**PETALING JAYA:** The vegetable supply from Cameron Highlands will continue as usual despite the enhanced movement control order in Kampung Raja, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

It said only 30% to 40% of vegetables from Cameron Highlands came from farms in Kampung Raja, adding that the supply chain would not be entirely disrupted.

"The ministry has also been informed that other vegetable farms in Cameron Highlands are operating as usual," it said in a statement yesterday.

It also said police would permit trucks carrying vegetables from Cameron Highlands to travel despite the lockdown.



# Bekalan sayur stabil, mencukupi

KPDNHEP nasihat pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik

Oleh TUAN BUQHAI RAH TUAN  
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan sayur di pasaran stabil serta mencukupi.

Kementerian itu dalam kenyataan pada Jumaat berkata, kawasan pertanian sayuran di Cameron Highlands, Pahang dan Lojing, Gua Musang, Kelantan beroperasi seperti biasa tanpa sebarang isu pengangkutan serta pengedaran.

“Semua kawasan tanaman sayur selain Kampung Raja di Cameron Highlands telah beroperasi seperti biasa.

“Hanya sekitar 30 hingga 40 peratus bekalan sayur di tanah

tinggi ini dikeluarkan dari ladang Kampung Raja yang kini di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

“Peraturan ini tidak akan menjejaskan bekalan sayur di pasaran.

“Kerajaan akan mengambil langkah segera bagi memastikan pengurusan tanaman ladang dan proses membawa keluar hasil pertanian dari Cameron Highlands dapat berjalan seperti biasa,” menurut kenyataan itu.

KPDNHEP berkata, pegawai penguat kuasa KPDNHEP di seluruh Malaysia akan terus menjalankan pemantauan ke atas bekalan dan harga sayur-sayuran. Selain itu, KPDNHEP turut mengisytiharkan suntikan vaksin kepada peladang dan pekerja dilaksanakan secepat mungkin.

Kerajaan pada Selasa memutuskan untuk membenarkan sektor pertanian dan rantainya di Cameron Highlands beroperasi walaupun dalam pelaksanaan PKPD bagi menjamin bekalan



Pengguna dinasihatkan supaya tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan sayur di pasaran stabil dan mencukupi.

tidak terganggu.

Ia selaras dengan keputusan kerajaan meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantainya sebagai satu perkhidmatan perlu.

Pengusaha ladang sayuran berdepan masalah di peringkat pemasaran dan penghantaran ke pasar susulan PKPD di beberapa kawasan di Cameron Highlands bermula 14 hingga 27 Jun.



Laporan Sinar Harian pada 17 Jun 2021.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## MyNIC perkenal PRIME lahirkan usahawan digital



PETALING JAYA: MyNIC menyediakan peruntukan sebanyak RM1.6 juta menerusi Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) yang menawarkan sebanyak 20,000 domain percuma kepada mereka

yang berminat menceburi bidang keusahawan digital dengan sasaran kepada golongan usahawan, masyarakat luar bandar dan golongan orang kurang upaya.

PRIME diperkenalkan oleh MyNIC sebagai sebahagian daripada beberapa program dan inisiatif yang telah dibangunkan sepanjang tahun lepas hingga kini dengan memberi tumpuan khusus kepada tiga golongan tersebut.

Menurut kenyataan medianya yang dikeluarkan baru-baru ini sempena pengumuman Pelan Pemulihan Negara (PPN), program tersebut memperkenalkan tiga teras utama iaitu penjenamaan digital, platform teknologi, dan pembangunan modal insan dan pada masa sama mewujudkan kategori nama domain baharu iaitu *biz.my*.

“MyNIC juga membangunkan *DNS Secure Resolver* dan menjalankan program keselamatan DNSSEC untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam talian dan sekali gus melindungi ekosistem ekonomi digital, “ katanya .

Selain itu, MyNIC turut menyediakan Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital dengan tujuan bagi menggalakkan penyertaan usahawan MSME membawa perniagaan mereka ke dalam talian melalui laman sesawang (*web*) dan juga platform media sosial.

Di samping itu, program latihan itu juga mengadakan sesi kesedaran dan kefahaman kepada komuniti usahawan mengenai keselamatan siber dengan tumpuan kepada kurikulum pembangunan laman web, pengiklanan menggunakan Facebook, Google ads dan juga Google My Business.

Dengan adanya latihan tersebut, ia dapat memperkasa dan mengembangkan perniagaan dalam talian, mengembangkan potensi pelanggan baru tempatan dan luar negara dan akhirnya meningkatkan pendapatan perniagaan mereka.

Bagi menjayakan program tersebut, MyNIC telah bekerjasama dengan pelbagai rakan strategik termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

Turut terlibat menjayakan program tersebut adalah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), SME Corp, Institut Keusahawanan Negara (Insken), Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), Pahang Go Sdn Bhd, Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak, Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE) bagi memaksimumkan capaian kepada usahawan.

MyNIC mengalu-alukan lebih banyak rakan strategik baru agar impian untuk merealisasikan ekonomi digital ini menjadi kenyataan.

“MyNIC akan meneruskan usaha untuk memperkasa perniagaan dan industri tempatan untuk menjadi penyumbang kepada ekonomi digital.

“Dengan pembangunan industri ICT yang berkembang pesat dan penggunaan nama *domain* .my yang meluas, ia akan dapat membantu untuk menyokong serta menjayakan PPN.

MyNIC merupakan agensi yang bertindak sebagai pembolehupaya kepada ekonomi digital negara menyokong usaha kerajaan dalam merealisasikan PPN seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

Pelan berfasa ini dilihat dapat memberi satu keyakinan kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan amat komited untuk membina semula ekonomi yang makin meruncing akibat pandemik Covid-19.

MyNIC merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	NST	ONLINE	

## Durians have become a rich man's delicacy



Durian trader Amir Shahzuan Dzulkafli (right) with his friend arranging the fruits at his stall in Taman Ipoh on June 16. -NSTP/SHARUL HAFIZ ZAM

**LETTER:** Durian, which used to be a normal meal of the people, just like rambutans and mangosteens, is now beyond the reach of the common man.

It has been promoted as the king of fruits not so much because of its taste or medicinal value, but more because its price is like a king's ransom.

Only the well-heeled can enjoy this delicacy. Some people are willing to part with a hefty sum to savour the pungent flesh.

A single standard variety costs from RM30 per kg, while the high-end variety, like the black thorn, costs RM300 per kg (RM800 a fruit).

Depending on the size and weight of the fruit, one may get at the most 10 pieces of yellowish or off-white flesh. A single flesh may cost RM10 a piece for the standard variety.

For low-income households, the opportunity cost of buying a durian is the price of a square meal for a family of four, the equivalent of 10 plates of nasi kandar.

The money could instead be used to cook several meals.

During this difficult time, people need to be prudent in their food expenditure.

Even in normal times, it is inappropriate to spend on non-essential items, and durians should not factor in your food expenditure.

At current prices, suppliers are making huge profits. But in a free market economy, prices are determined by supply and demand.

What more, the fruit is exported to China and Singapore where the fruits are sold at exorbitant prices.

So the king of fruits has been priced out for common folk.

Like the durian, there are many other things that are out of reach of most people.

The authorities are hard put to manage the plight of the low income group.

The government should regulate the prices of essentials. And the durian is one example of the spiralling cost of living.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2021	THE STAR	ONLINE	

## Poultry farmers seek support from Malaysians



**Save the poultry industry: A customer looking at the selection of fresh chicken. Poultry farmers are urging Malaysians to consume more chicken. — filepic**

POULTRY farmers are pleading with the public to consume more chicken in order to save the farming industry after sales plummeted following the announcement of the national lockdown, Sin

Chew Daily reported.

According to honorary president of the Malaysian Federation of Livestock Farmers' Associations, Kwei Yew Tong, poultry sales fell by 30% after the public was no longer allowed to dine in at restaurants.

As supply of chickens far outstripped demand, prices have fallen to just RM3.80 per kilogramme, which is RM1.80 less than the cost of production.

Kwei revealed that on average, Malaysian consumers purchase around 1.6 million chickens, or 3.52 million kilogrammes of chicken, every day.

“As we are losing RM1.80 per kilogramme, farmers across the country lose up to RM6.34 million per day. In just a month, losses would rack up to nearly RM200mil,” he said.

Kwei pointed out that many small-time farmers will not be able to continue incurring losses and are expected to close down in August or September.

> The daily also reported that a man in his 30s from Taiwan received praise online after he carried his 85-year-old grandfather down a mountain for his vaccination.

According to media reports, the man and his family live together on a mountain at Keelung City and the nearest vaccination centre was a high school at the foot of the mountain. His neighbour revealed that the man carried his grandfather down a steep staircase followed by a 300m journey to the centre.

A picture showing the man carrying his grandfather went viral on social media.

“This is one of the most beautiful scenes in the world,” one Internet user wrote.